



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**Peraturan Mengenai Perbelanjaan  
Sambutan Hari Inovasi**

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

## KANDUNGAN

<b>MAJLIS RASMI KERAJAAN .....</b>	<b>2</b>
<b>WP 5.3 Peraturan Mengenai Perbelanjaan Sambutan Hari Inovasi .....</b>	<b>2</b>
<b>1. Tujuan .....</b>	<b>2</b>
<b>2. Peraturan .....</b>	<b>2</b>

## MAJLIS RASMI KERAJAAN

### WP 5.3 Peraturan Mengenai Perbelanjaan Sambutan Hari Inovasi

#### 1. Tujuan

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan kadar dan peraturan berhubung perbelanjaan sempena sambutan Hari Inovasi peringkat Kementerian/Jabatan.

#### 2. Peraturan

##### 2.1 Pertandingan

- 2.1.1 Bilangan acara pertandingan yang boleh diadakan sempena sambutan Hari Inovasi adalah terhad kepada tujuh (7) acara sahaja. Pertandingan boleh diadakan sama ada secara berkumpulan atau individu.

##### 2.2 Jamuan

- 2.2.1 Kadar bagi mengadakan jamuan adalah tidak melebihi RM30 seorang sehari mengikut kadar seperti berikut:

Jamuan Pagi	RM8
Makan Tengah Hari	RM17
Minum Petang	RM5

##### 2.3 Hadiah Pertandingan

- 2.3.1 Hadiah kepada pemenang setiap acara pertandingan adalah terhad kepada kadar maksimum seperti berikut:

Pemenang	Pertandingan Peringkat			
	Kementerian/Jabatan Persekutuan		Jabatan Persekutuan di Negeri	
	Kumpulan	Individu	Kumpulan	Individu
<b>Pertama</b> Hadiah/Tunai	RM5,000	RM1,000	RM2,000	RM750
Piala	RM300 Sijil	RM250 Sijil	RM250 Sijil	RM200 Sijil
<b>Kedua</b> Hadiah/Tunai	RM3,000 Sijil	RM750 Sijil	RM1,000 Sijil	RM500 Sijil
<b>Ketiga</b> Hadiah/Tunai	RM2,000 Sijil	RM500 Sijil	RM750 Sijil	RM250 Sijil

- 2.3.2 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk menentukan kesesuaian kadar hadiah bagi setiap kategori

pertandingan.

## 2.4 Panel Hakim

2.4.1 Kementerian/Jabatan boleh melantik panel hakim dari luar agensi tidak melebihi tiga (3) orang bagi menilai peserta pertandingan yang diadakan. Panel hakim boleh diberi saguhati/hadiah tertakluk kepada had maksimum seperti berikut:

Peringkat Pertandingan	Ketua Hakim		Hakim	
	KIK	Acara Lain	KIK	Acara Lain
Kementerian/ Jabatan Persekutuan	RM200 sehari	RM200 satu program	RM150 sehari	RM150 satu program
Jabatan Persekutuan di Negeri	RM100 sehari	RM100 satu program	RM80 sehari	RM80 satu program

2.4.2 Hadiah bagi pemenang dan panel hakim di atas boleh diberi dalam bentuk tunai dan/atau hadiah dalam bentuk **plaque, buku atau kraftangan tempatan sahaja** terhad kepada kadar maksimum di atas.

## 2.5 Bayaran Penceramah

2.5.1 Bayaran penceramah jemputan yang terdiri daripada pegawai Perkhidmatan Awam adalah mengikut kadar dan syarat yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perbendaharaan WP 1.8 atau pindaan. Bagi penceramah daripada pihak swasta adalah berdasarkan kadar dan syarat yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perbendaharaan PK 2 atau pindaan.

## 2.6 Hiasan dan Pameran

2.6.1 Perbelanjaan hiasan dewan dan pameran hendaklah di peringkat minimum dan mematuhi tatacara perolehan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

## 2.7 Tempat Mengadakan Hari Inovasi

2.7.1 Sambutan Hari Inovasi Kementerian/Jabatan seboleh-bolehnya hendaklah diadakan di kawasan Kementerian/Jabatan masing-masing bagi memudahkan dan membolehkan semua pegawai Kementerian/Jabatan menyertai program yang diadakan serta menjimatkan perbelanjaan.